



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Tarikh kuatkuasa: 12 Ogos 2022

**GARIS PANDUAN KEPADA BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN
GUIDELINES NO. SYAFI/G/02/2022**

PIAWAIAN SYARIAH MURABAHAH



Isi Kandungan

1. PENGENALAN.....	3
2. DEFINISI.....	3
3. DEFINISI DAN KEHARUSAN KONTRAK <i>MURABAHAH</i>	5
4. KEPERLUAN UMUM KONTRAK <i>MURABAHAH</i>	6
5. PENYATUAN KONTRAK <i>MURABAHAH</i> DENGAN KONTRAK SYARIAH YANG LAIN.....	8
6. PEMBUBARAN KONTRAK <i>MURABAHAH</i>	10
7. PENAMATAN KONTRAK <i>MURABAHAH</i>	10
LAMPIRAN 1: KONTRAK <i>MURABAHAH</i>	12
LAMPIRAN 2: <i>MURABAHAH</i> DENGAN PEMESAN BELIAN.....	13
LAMPIRAN 3: SUKUK <i>MURABAHAH</i>	15



1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan Piawaian Syariah: *Murabahah* (“Garis panduan”) ini dikeluarkan di bawah bab 32 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010 dan terpakai untuk Bank dan Institusi Kewangan.
- 1.2 Garis panduan ini adalah bertujuan menjadi rujukan dalam mewujudkan amalan terbaik dalam menstruktur produk kewangan yang menggunakan kontrak *Murabahah* serta menjaga kepentingan pengguna.
- 1.3 Bank dan Institusi Kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam hendaklah mematuhi dasar-dasar yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.
- 1.4 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Notis dan Garis panduan lain yang telah dikeluarkan oleh pihak Berkuasa, iaitu:
 - 1.4.1 Notice on Application Process of Islamic Product [SYAFI/N/01/2022];
 - 1.4.2 Notice dan Guidelines on Syariah Governance Framework for Financial Institutions [IFAU/N/1/2018 dan IFAU/G/2/2018]; dan
 - 1.4.3 Notice dan Guidelines on Internal Syariah Audit Framework for Financial Institutions [IFAU/N/2/2018 dan IFAU/G/3/2018].
- 1.5 Garis panduan ini adalah tidak terhad dan boleh dikemaskini dari masa ke masa mengikut kesesuaian yang difikirkan oleh Pihak berkuasa.
- 1.6 Mana-mana isu baru yang tidak terkandung dalam garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada Hukum *Syara’*.
- 1.7 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Piawaian Syariah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, maka Piawaian Syariah Bahasa Melayu adalah terpakai.
- 1.8 Garis panduan ini berkuatkuasa pada 14 Muharram 1444 / 12 Ogos 2022.

2. DEFINISI

- 2.1 Bagi tujuan Piawaian ini:
 - 2.1.1 “Badan Penasihat Syariah” bermaksud badan yang ditubuhkan di bawah keperluan:
 - (a) bab 8{2}[g] Perintah Perbankan Islam, 2008;
 - (b) bab 10{1}[e] Perintah Takaful, 2008;
 - (c) bab 23{2} Perintah Pasaran Sekuriti, 2013;



- (d) bab 14 Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggag 163); dan
 - (e) bab 6(2)(g) Akta Syarikat Pembiayaan (Penggag 89);
-
- 2.1.2 “Bank” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010;
 - 2.1.3 “*Hamish jiddiyah*” bermaksud pembayaran deposit sekuriti yang diberikan oleh pembeli sebagai janji untuk membeli aset sebelum pelaksanaan kontrak jual beli;
 - 2.1.4 “*Hiwalah al-dayn*” bermaksud pemindahan hutang daripada penghutang asal kepada pihak ketiga yang menyebabkan penghutang asal bebas daripada hutang dan liabiliti;
 - 2.1.5 “Hukum *Syara*” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006;
 - 2.1.6 “*Ibra*” bermaksud pelupusan hutang tertentu;
 - 2.1.7 “*Ijab*” bermaksud ucapan tawaran;
 - 2.1.8 “Institusi kewangan” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010 termasuk Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggag 163);
 - 2.1.9 “*Kaafil*” bermaksud penjamin;
 - 2.1.10 “*Kafalah*” bermaksud jaminan;
 - 2.1.11 “*Khiyar al ‘ayb*” bermaksud pilihan disebabkan kecacatan; iaitu pilihan untuk membubarkan atau meneruskan kontrak setelah mendapati kecacatan pada aset yang dibeli;
 - 2.1.12 “*Majlis al- ‘aqd*” bermaksud tempat sesi kontrak dijalankan;
 - 2.1.13 “*Muqaassah*” bermaksud penyelesaian hutang piutang sesama sendiri antara pihak yang berkontrak;
 - 2.1.14 “*Muwakkil*” bermaksud pihak yang mewakilkan;
 - 2.1.15 “Pihak Berkuasa” Brunei Darussalam Central Bank yang ditubuhkan di bawah bab 3(1) dari Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010;
 - 2.1.16 “*Qabd haqiqi*” bermaksud pemilikan fizikal;



- 2.1.17 “*Qabd hukmi*” bermaksud pemilikan aset secara dokumen;
- 2.1.18 “*Qabul*” bermaksud ucapan penerimaan;
- 2.1.19 “*Rahnu*” bermaksud sebuah kontrak untuk mendapatkan wang tunai secara hutang dengan menjadikan emas atau sebarang aset lain yang bernilai sebagai cagaran bagi melunaskan pembayaran hutang yang tertunggak sekiranya pembeli tidak mampu untuk melunaskan hutangnya;
- 2.1.20 “*Special Purpose Vehicle*” bermaksud sebuah entiti yang ditubuhkan oleh *obligor* dan mempunyai status perundangan sendiri serta mempunyai aset dan liabiliti yang tersendiri. “SPV” adalah digunakan di dalam garis panduan ini;
- 2.1.21 “*Sukuk*” bermaksud sijil yang menunjukkan pemilikan atau pelaburan ke atas aset yang patuh *Syara*’;
- 2.1.22 “*Sukuk Murabahah*” bermaksud sijil yang menunjukkan nilai sama rata terhadap aset dan menjadi bukti pemilikan termasuk hak di dalam mengutip hutang yang timbul daripada aset sandaran;
- 2.1.23 “*Takaful*” mempunyai makna yang sama sebagaimana di bawah bab 2 [1] Perintah Takaful, 2008;
- 2.1.24 “*Urbun*” bermaksud seseorang membeli aset dan menandatangani sejumlah wang pada pihak penjual, dengan syarat, sekiranya pembelian itu diteruskan maka jumlah tersebut akan menjadi sebahagian harga, tetapi sekiranya pembelian itu dihentikan maka jumlah tersebut akan diambil oleh pihak penjual;
- 2.1.25 “*Wa`d*” bermaksud janji atau komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada satu pihak lain untuk menjalankan tugas-tugas tertentu pada masa hadapan;
- 2.1.26 “*Wakalah*” bermaksud kontrak agensi di mana satu pihak, *Muwakkil* akan melantik pihak yang lain sebagai *Wakeel* dalam melaksanakan sesuatu transaksi bagi pihaknya. Kontrak tersebut boleh dilaksanakan dengan upah atau tanpa upah; dan
- 2.1.27 “*Wakeel*” bermaksud seseorang yang menjalankan urusan perniagaan bagi pihak lain, sama ada dengan upah ataupun tanpa upah.

3. DEFINISI DAN KEHARUSAN KONTRAK *MURABAHAH*

Definisi kontrak *Murabahah*

- 3.1 *Murabahah* adalah kontrak jual beli aset yang dipersetujui dan kos pembelian serta keuntungan dimaklumkan dengan jelas atau dinyatakan kepada pembeli.
- 3.2 Bagi Bank dan Institusi Kewangan yang menawarkan produk pembiayaan *Murabahah*, ia dikaitkan dengan transaksi yang dikenali sebagai *Murabahah to The Purchase Orderer*



[MPO]. Dalam hal ini, Bank dan Institusi Kewangan tersebut akan menjadi perantara di antara pembekal aset dan pembeli, apabila pembeli selesai memeterai kontrak maka aset berkenaan menjadi hak milik pembeli.

3.3 Rajah aliran bagi kontrak *Murabahah* adalah seperti di dalam **Lampiran 1**.

Keharusan kontrak *Murabahah*

3.4 Keharusan kontrak *Murabahah* adalah berdasarkan Al-Qur'an dan Hadith.

3.5 Al-Qur'an

Ayat berikut menunjukkan keharusan kontrak jual beli secara umum termasuk kontrak *Murabahah*:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

"[Padahal] Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba" [Surah al-Baqarah: 275]

3.6 Hadith

قَالَ سَمِعْتُ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ، يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا الْبَيْعُ عَنْ تَرَاضٍ"

Saya mendengar Abu Sa'eed Al-Khudri berkata: "Nabi Muhammad *(Shallallahu 'alaihi wasallam)* berkata: "Jual beli hanya dapat dilaksanakan apabila mendapat persetujuan dua pihak." [Sunan Ibn Majah: 2269]

Di dalam kaedah Fiqh juga menyebutkan keharusan kontrak *Murabahah* antara lain seperti berikut:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

"Asal pada sesuatu perkara adalah harus sehinggalah adanya bukti yang menunjukkan kepada keharaman [perkara tersebut]".

4. KEPERLUAN UMUM KONTRAK *MURABAHAH*

Pihak-pihak yang berkontrak

4.1 Pihak-pihak yang berkontrak dalam kontrak *Murabahah* hendaklah terdiri daripada penjual dan pembeli.



- 4.2 Mana-mana pihak yang berkontrak termasuk badan korporat, syarikat, badan berkanun, atau persatuan hendaklah mempunyai kompetensi dalam memeterai setiap kontrak *Murabahah* menurut Hukum *Syara'* dan undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Ijab dan Qabul

- 4.3 *Ijab* dan *Qabul* boleh dinyatakan melalui percakapan, tulisan (dokumentasi) atau mana-mana kaedah lain yang boleh menyatakan sebuah kontrak.

Aset

- 4.4 Aset yang boleh digunapakai sebagai subjek kontrak *Murabahah* hendaklah merupakan aset ketara (*tangible asset*) atau aset tidak ketara (*intangible asset*) iaitu:
- 4.4.1 Sesuatu yang bernilai, boleh dikenalpasti dan boleh diserahkan; dan
 - 4.4.2 Sudah sedia wujud dan dimiliki oleh penjual.
- 4.5 Aset yang dinyatakan di perenggan 4.4 di atas hendaklah disahkan dan dibenarkan oleh Badan Penasihat Syariah.
- 4.6 Aset-aset berikut tidak boleh didagangkan dalam kontrak *Murabahah*:
- 4.6.1 Emas, perak, dan matawang serta barang-barang *ribawi*;
 - 4.6.2 Aset yang akan dibina atau aset dalam pembinaan; dan
 - 4.6.3 Aset yang bersifat hutang.
- 4.7 Pemandahan hak milik aset daripada penjual kepada pembeli hendaklah pemandahan hak milik yang tidak bercanggah dengan Hukum *Syara'*.
- 4.8 Di dalam situasi aset tidak wujud di dalam *Majlis al-'aqd*, maka penjual hendaklah menyatakan keterangan atau huraian yang terperinci berkaitan dengan aset tersebut kepada pembeli.
- 4.9 Pemandahan hak milik aset daripada penjual kepada pembeli berkuat kuasa apabila penjual dan pembeli selesai memeterai kontrak *Murabahah*.
- 4.10 Penerimaan aset hendaklah di dalam bentuk *Qabd Haqiqi* atau *Qabd Hukmi*.
- 4.11 Penjual hendaklah bertanggungjawab terhadap aset bagi sebarang kecacatan atau kerosakan sebelum pembeli menerima aset tersebut.
- 4.12 Pembeli tidak berhak untuk melaksanakan *Khiyar al-'ayb* jika mendapati dan mempersetujui mana-mana kecacatan yang ada pada aset semasa memeterai kontrak *Murabahah*.



- 4.13 Pembeli boleh melaksanakan *Khiyar al-ayb* jika sekiranya pembeli menyedari aset tersebut terdapat kerosakan atau kecacatan sebelum memeterai kontrak *Murabahah*.
- 4.14 Pembeli yang melaksanakan *Khiyar al-ayb* boleh membatalkan atau meneruskan kontrak *Murabahah* dengan terma-terma kontrak yang sedia ada atau dengan terma-terma baru selama mana dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.
- 4.15 Walau apa pun perenggan 4.11 di atas, pihak-pihak yang berkontrak boleh saling bersetuju bahawa penjual tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan yang terdapat pada aset sebelum memeterai kontrak *Murabahah*.
- 4.16 Tempoh untuk melaksanakan *Khiyar al-ayb* hendaklah mengikut persetujuan di antara pihak-pihak yang berkontrak.
- 4.17 Aset yang menjadi subjek dalam suatu kontrak *Murabahah* tidak boleh digunakan sebagai subjek kepada kontrak *Murabahah* yang lain dalam satu masa.

Harga

- 4.18 Harga perolehan, kadar keuntungan serta tatacara pengiraan keuntungan hendaklah dinyatakan di dalam kontrak *Murabahah*.
- 4.19 Harga aset dan mata wang yang digunapakai di dalam kontrak *Murabahah* hendaklah dipersetujui oleh penjual dan pembeli.
- 4.20 Pembayaran boleh dibuat sama ada secara tunai atau bertanggung mengikut persetujuan pihak-pihak yang berkontrak. Penyatuan kontrak *Murabahah* dengan kontrak Syariah yang lain.

5. PENYATUAN KONTRAK MURABAHAH DENGAN KONTRAK SYARIAH YANG LAIN

Penyatuan kontrak *Wakalah* dalam kontrak *Murabahah*

- 5.1 Mana-mana pihak yang berkontrak di dalam kontrak *Murabahah* boleh melantik *Wakeel* bagi memenuhi pelaksanaan kontrak bagi pihaknya.
- 5.2 Pelantikan *Wakeel* melalui kontrak *Wakalah* hendaklah dilaksanakan dalam dokumen yang berasingan daripada kontrak *Murabahah*.
- 5.3 *Wakeel* boleh memberikan sebut harga dan spesifikasi aset kepada *Muwakkil*.
- 5.4 Mana-mana pembayaran yang telah dibayar terlebih dahulu oleh *Wakeel* hendaklah dibayar semula oleh *Muwakkil*.
- 5.5 Setelah *Wakeel* selesai membeli aset tersebut, *Muwakkil* hendaklah bertanggungjawab terhadap aset yang dibeli.



Penyatuan *Wa'd* dalam kontrak *Murabahah*

- 5.6 *Wa'd* dalam kontrak *Murabahah* melibatkan pemesan belian (pembeli) memberikan *Wa'd* untuk membeli aset yang telah dikenal pasti daripada penjual dengan harga perolehan dan keuntungan yang telah dipersetujui. Perjanjian ini mengikat pemesan belian apabila penjual telah bertindak untuk memperoleh aset dan memberikannya kepada pemesan belian.
- 5.7 *Wa'd* boleh dilaksanakan sebelum memeterai kontrak *Murabahah*.
- 5.8 Merujuk perenggan 5.6 di atas, jika pemesan belian enggan memeterai kontrak *Murabahah*, maka pemesan belian hendaklah membayar ganti rugi bagi kos sebenar serta kos pelupusan aset yang ditanggung oleh penjual.
- 5.9 Rajah aliran bagi struktur kontrak *Murabahah* yang berkaitan dengan pemesan belian adalah sebagaimana di **Lampiran 2**.

Penyatuan kontrak *Murabahah* dengan Takaful

- 5.10 Penjual boleh meminta pembeli untuk mendapatkan perlindungan takaful untuk menjamin pembayaran harga jualan yang tertunggak dalam kontrak *Murabahah*.
- 5.11 Penjual dan pembeli boleh bersetuju untuk mengecualikan sumbangan takaful daripada kos perolehan dan pembeli boleh bersetuju untuk menyerap kos takaful sebelum memeterai kontrak *Murabahah*.

Penyatuan kontrak *Murabahah* dengan Kafalah

- 5.12 Jika berlaku kemungkiran oleh pembeli, maka *Kaafil* mempunyai pilihan sama ada untuk:
- 5.12.1 Membeli aset bagi pihak pembeli; atau
- 5.12.2 Membayar harga jualan yang tertunggak bagi pihak pembeli.

Penyatuan kontrak *Murabahah* dengan *Hamish Jiddiyah*

- 5.13 *Hamish jiddiyah* boleh digunakan untuk membayar ganti rugi bagi kerugian sebenar yang disebabkan oleh kegagalan pembeli untuk mematuhi *Wa'd*.
- 5.14 Sebarang lebih daripada *Hamish jiddiyah* setelah pembayaran ganti rugi hendaklah dikembalikan kepada pembeli.
- 5.15 *Hamish jiddiyah* boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada harga jualan yang dipersetujui di dalam kontrak *Murabahah*.

Penyatuan kontrak *Murabahah* dengan *Rahnu*

- 5.16 Barang cagaran boleh dijual apabila pembeli tidak dapat menyelesaikan harga jualan yang tertunggak daripada kontrak *Murabahah*.
- 5.17 Merujuk perenggan 5.16 di atas, sebarang lebih hendaklah diberikan kepada pembeli.



Penyatuan kontrak *Murabahah* dengan '*Urbun*

- 5.18 Pembeli boleh memberikan '*Urbun* kepada penjual sehingga satu tempoh yang ditentukan oleh penjual, untuk membuat keputusan sama ada hendak meneruskan atau menamatkan kontrak *Murabahah* tersebut.
- 5.19 Jika pembeli gagal untuk memaklumkan keputusan kepada penjual sama ada untuk meneruskan kontrak *Murabahah* atau membatalkannya dalam tempoh yang ditentukan, maka kontrak *Murabahah* tersebut adalah batal dan penjual berhak ke atas '*Urbun* tersebut.
- 5.20 Jika pembeli membuat keputusan untuk tidak meneruskan kontrak *Murabahah* dalam tempoh yang ditentukan, maka penjual berhak ke atas '*Urbun* tersebut.
- 5.21 Jika pembeli bersetuju untuk meneruskan kontrak *Murabahah* di dalam tempoh yang diberikan oleh penjual, maka '*Urbun* akan dikira sebagai sebahagian daripada pembayaran harga jualan.

Sukuk *Murabahah*

- 5.22 Kontrak *Murabahah* boleh digunakan dalam Sukuk dan rajah alirannya adalah sebagaimana di **Lampiran 3**.

6. PEMBUBARAN KONTRAK *MURABAHAH*

- 6.1 Kontrak *Murabahah* boleh dibubarkan dalam keadaan-keadaan berikut:
 - 6.1.1 Jika pembeli memilih untuk tidak meneruskan kontrak *Murabahah* yang melibatkan '*Urbun* dalam waktu yang ditetapkan;
 - 6.1.2 Mana-mana pihak yang berkontrak bersetuju dengan pilihan untuk membatalkan kontrak *Murabahah* dalam tempoh yang dipersetujui;
 - 6.1.3 Mana-mana pihak yang berkontrak bersetuju dengan pilihan untuk membubarkan kontrak *Murabahah* kerana pelanggaran kepada terma dan syarat yang ditetapkan; dan
 - 6.1.4 Kedua-dua pihak yang berkontrak saling bersetuju untuk membatalkan kontrak *Murabahah*.

7. PENAMATAN KONTRAK *MURABAHAH*

- 7.1 Kontrak *Murabahah* akan tamat apabila kewajipan pihak-pihak yang berkontrak dipenuhi iaitu dalam keadaan-keadaan berikut:
 - 7.1.1 Penyelesaian penuh harga jualan;
 - 7.1.2 *Muqaassah* bagi kewajipan hutang antara pihak-pihak berkontrak;




- 7.1.3 Pemindahan kewajipan pembayaran harga jualan melalui *Hiwalah al-dayn* kepada pihak ketiga; dan
- 7.1.4 Pelepasan hak untuk menerima baki atau tunggakan harga jualan melalui *Ibra'* oleh penjual.

**PENGARAH URUSAN
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

Tarikh dikeluarkan: 14 Muharram 1444 / 12 Ogos 2022



LAMPIRAN 1: KONTRAK *MURABAHAH*




Keterangan:

- > Pemindahan Aset
- > Aliran Wang

Langkah	Keterangan
1	Pembeli menunjukkan minat untuk membeli aset daripada penjual.
2	Penjual bersetuju untuk menjual aset tersebut kepada pembeli dan menjelaskan atau menyatakan harga pembelian dan kadar keuntungan. Pembayaran boleh dibayar secara lani atau bertangguh.
3	Pemindahan hak milik aset tersebut akan diberikan sepenuhnya kepada pembeli setelah selesai pemeteraian kontrak <i>Murabahah</i> .



LAMPIRAN 2: *MURABAHAH* DENGAN PEMESAN BELIAN



Keterangan:

- > Pemindahan aset
- > Aliran wang

Langkah	Keterangan
1	Pelanggan memohon pembiayaan berkonsepkan kontrak <i>Murabahah</i> daripada Bank atau Institusi Kewangan
2	Bank dan Intistusi kewangan bersetuju untuk memeterai kontrak <i>Wakalah</i> bersama pelanggan dan melantiknya sebagai <i>Wakeel</i> . Seterusnya, <i>Wakeel</i> akan mendapatkan sebut harga dari pelanggan dan memberikannya kepada Bank atau Institusi Kewangan.
3	<i>Wakeel</i> yang dilantik oleh Bank atau Intistusi Kewangan akan membeli aset tersebut daripada pembekal.
4	Pembekal akan memberikan hak pemilikan aset kepada Bank atau Institusi Kewangan.
5	Bank atau Institusi Kewangan akan memaklumkan harga belian dan keuntungan kepada pembeli.


Piawaian Syariah *Murabahah*



6	Setelah kontrak <i>Murabahah</i> dimeterai, pembekal akan memberikan aset kepada pelanggan.
7	Pelanggan akan membayar secara lani atau bertanggung.
8	Hak milik aset tersebut akan diberikan sepenuhnya kepada pelanggan setelah selesai pembayaran secara keseluruhan.



LAMPIRAN 3: SUKUK *MURABAHAH*



Keterangan:

- > Pemindahan aset
- - - - -> Aliran wang

Langkah	Keterangan
1	Syarikat yang berminat untuk mendapatkan dana pembiayaan melalui Sukuk akan menjual aset yang dikenalpasti dengan harga lani kepada Special Purpose Vehicle (SPV).
2	SPV akan mengumpulkan dana dengan harga yang ditetapkan oleh syarikat secara tunai daripada pelabur.
3	Dana daripada pelabur akan digunakan untuk membeli aset.
4	SPV menyerahkan dana tersebut kepada Syarikat.
5	Pelabur akan melantik SPV untuk menjual balik aset tersebut kepada syarikat dengan harga kos pembelian serta keuntungan.
6	SPV akan menerbitkan Sukuk <i>Murabahah</i> bagi pihak syarikat.
7	Syarikat tersebut akan membayar secara beransuran di dalam tempoh yang dipersetujui kepada SPV. Seterusnya bayaran ansuran tersebut akan diberikan kepada pelabur sehingga Sukuk <i>Murabahah</i> matang.